

Headline	Fazrul insan OKU bukti cemerlang	Language	MALAY
Date	23. Oct 2008	Page No	28
Media Title	Utusan Malaysia (Central)	Article Size	96 cm2
Section	Dlm Negeri	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287	AdValue	2975.63




● Fazrul insan OKU bukti cemerlang

SERDANG 22 Okt. - Kurang upaya bukan penghalang untuk mencapai kejayaan malah ia menjadi pendorong utama bagi Fazrul Aliaa Ghazali, 23, dalam meneruskan pelajaran hingga ke peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Fazrul yang mengalami bengkok tulang kaki dari lutut ke pergelangan kaki sejak berumur empat tahun, hari ini berjaya menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Pentadbiran Peniagaan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang pada Majlis Konvokesyen UPM Ke-32 di sini.

Walaupun kecacatan ini menyebabkan keupayaan fizikalnya terbatas, namun dengan semangat yang kental dan dorongan daripada keluarga serta rakan-rakan, ia tidak mematahkan semangat untuk terus belajar.

"Saya tidak menafikan menghadapi pelbagai masalah selama ini, tetapi ia tidak



FAZRUL ALIAA

menghalang saya untuk mengambil kursus kegemaran iaitu ekonomi walaupun dengan keadaan anggota badan yang kurang upaya.

"Kecacatan ini bukan satu isu malah dijadikan semangat untuk terus berusaha," katanya ketika ditemui selepas majlis konvokesyen itu di sini hari ini.

Fazrul yang baru memulakan kerjaya sebagai pembantu tadbir sebuah klinik kesihatan berkata, peluang untuk berjaya ada pada setiap insan tanpa mengira keadaan fizikal mereka.

"Saya selalu mengingatkan diri sendiri bahawa kejayaan itu boleh dicapai oleh sesiapa sahaja asalkan mereka mempunyai semangat yang tidak berputus asa.

"Orang kurang upaya (OKU) seperti saya juga tidak boleh bersikap terlalu rendah diri kerana ia akan menjejaskan perjuangan untuk mencapai kejayaan," katanya.